

Konvensyen Halal USIM

Membincangkan isu semasa berkaitan keselamatan makanan global dan halal negara

Oleh MOHD. SAIFUL
MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my



UTUSAN MALAYSIA

MALAYSIA mengimport makanan berjumlah lebih RM36 bilion setahun dan bagi setiap produk makanan yang dijual di pasar raya, tidak kurang daripada 10 buah negara telah menyumbang kepada proses penghasilannya, lantas tidak menghairankan isu keselamatan makanan menjadi perhatian yang serius semua pihak terutamanya dalam industri halal global termasuk di negara ini.

Bersesuaian dengan peranan Malaysia sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab menyelaras pembangunan industri halal di Malaysia untuk pasaran domestik dan antarabangsa, pihak Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Persatuan Profesyen Ekektif Halal Malaysia bakal menganjurkan Konvensyen Halal 2014 pada 18 hingga 19 November ini bertempat di universiti itu bagi membincangkan isu-isu semasa berkaitan keselamatan makanan global, serta hala-tuju perdagangan dan pembangunan industri halal di negara ini.

Selain itu, membincangkan tentang peranan industri halal di negara ini serta meningkatkan kesedaran berkaitan isu halal dalam perundangan syariah.

Bertemakan "Mencari Yang Halal, Tanggungjawab Bersama, Persidangan Halal julung-julung kali dianjurkan ini mencerminkan betapa pentingnya komitmen dari pihak-pihak berkepentingan industri halal termasuk golongan akademik untuk terus berusaha ke arah mencapai suatu matlamat yang sama, iaitu menangani krisis keselamatan halal makanan di negara ini dan antarabangsa.

Konvensyen halal ini juga mendapat kerjasama daripada Turbomachinery Technica Engineering Services, Perniagaan Mudim Zakari, Homestar Hana

dan Yes Halal Rempah Ustazah.

Pengarah Program, Muhammad Aliff Mohd Saifuddin berkata, konvensyen yang akan berlangsung selama dua hari itu terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu persidangan serta pameran.

Katanya, konvensyen ini akan terbahagi kepada empat agenda utama iaitu Seminar Halal melibatkan empat Perubatan Halal; Parameter Fiqh dalam Pemakanan Industri Halal; Halal Tourism; Keusahawanan Islam, agenda kedua melibatkan Bengkel Perundangan Halal dan Bengkel Halal Tourism, manakala agenda ketiga dan keempat melibatkan pameran dan jualan serta pertandingan.

"Ia berperanan sebagai platform kepada golongan usahawan, syarikat tempatan dan pengusaha kecil dan sederhana untuk meluaskan perniagaan mereka dan membangunkan industri halal negara ke peringkat antarabangsa," katanya.

Utusan Malaysia merupakan akhbar rasmi konvensyen sepanjang dua hari program itu berlangsung.

Muhammad Aliff berkata, objektif utama pameran dan persidangan itu adalah untuk mengadakan perkongsian dan perbincangan mengenai isu-isu semasa.

Mereka yang dijemput khas untuk mewakili industri masing-masing terdiri daripada pemimpin-pemimpin kerajaan dan ketua-ketua serta pakar-pakar industri,

KONVENSYEN HALAL

Maklumat Konvensyen

Seminar Halal
Persidangan Halal (Perubatan Halal, Parameter Fiqh dan Pemakanan dan Industri Halal, Industri Halal (Halal Tourism) dan Keusahawanan Islam)

Bengkel Halal
Bengkel Perundangan Halal | Bengkel Halal Tourism | Bengkel Keusahawanan Islam

Pameran & Jualan
Tutorial Facial Halal-
Pertandingan Utkan Halal
Pertandingan Dessert Halal

Yuran Seminar & Bengkel
RM 50 Orang Awam
RM 30 - Pelajar IPTA/Siswa

Yuran Seminar
RM 40 Orang Awam
RM 15 - Pelajar IPTA/Siswa

Daftar segera:

Anjuran:

teknokrat-teknokrat, para pengusaha, penyelidik dan ahli-ahli akademik serta wakil media.

"Sehingga kini lebih daripada beberapa agensi akan mempamerkan produk dan perkhidmatan halal masing-masing. Jumlah itu dijangka meningkat kepada sekurang-kurangnya 50 peserta," katanya.

Pameran meliputi rangkaian penuh peserta pameran daripada industri

pelancongan, hospitaliti, infrastruktur halal, perkhidmatan halal, pelaburan dan kewangan halal, latihan dan pendidikan halal, rumah sembelih halal, perkhidmatan katering halal, pembungkusan makanan, mesin dan peralatan, penyelidikan sains halal, agensi kerajaan serta badan pensijilan halal.

Konvensyen ini juga bakal menampilkan perkongsian pandangan dalam sesi bersama panel, serta menjurus kepada perbincangan lebih lanjut semasa sesi panel dan pembentangan kertas kerja oleh panel penceramah global. Mereka dijangka akan turut membincangkan aspek-aspek yang berkaitan termasuk isu pelaburan dan kewangan Islam, aspek sistem rangkaian perniagaan, serta isu vaksin halal.

Peserta boleh berinteraksi dan berbincang dengan wakil kerajaan dan tokoh-tokoh industri mengenai arah aliran, isu-isu dan cabarancabaran semasa yang dihadapi dalam industri halal global. Melalui platform pertukaran pandangan pendapat dan pengalaman sebegini, konvensyen dijangka akan meningkatkan lagi momentum pertumbuhan ekonomi dan memanfaatkan inovasi dalam eko-sistem halal demi memastikan bekalan makanan halal yang selamat dan berterusan bagi setiap anggota masyarakat global.

Konvensyen Halal 2014 ini akan berlangsung selama dua hari dari 17 hingga 18 November ini. Mereka yang berminat boleh menghubungi di talian 06-7988407 atau 017-6458553



PENSIJILAN produk halal di Malaysia telah diiktiraf di peringkat antarabangsa. - Gambar hiasan